



Agro Captive Takaful Limited (Company No: LL18454)

Alamat: Tingkat 3, Bank Pertanian Malaysia Berhad  
Leboh Pasar Besar, 50726, Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-2476

Website: www.agrobank.com.my

Email: customer@agrobank.com.my

PPK	
No. Unit	
Emel PPK	
Cawangan Agrobank	

## BORANG CADANGAN SKIM TAKAFUL TANAMAN PADI

### NOTIS PENTING

#### Kontrak Takaful Komersial

- Maklumat yang Tepat:** Adalah penting untuk memberikan maklumat yang tepat dan lengkap dalam Borang Cadangan Skim Takaful Tanaman Padi ("STTP") ini termasuk maklumat berkaitan yang terkandung dalam Borang Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan ("SBPKP") / Insentif Pengeluaran Padi – Pembajakan ("IPKP") / Insentif Pengeluaran Padi Input Pertanian ("IIP") / Insentif Peningkatan Pengeluaran Beras Negara ("IPB") (secara kolektif dirujuk sebagai "Borang SBPKP/IPKP/IIP/IPB") dan sebarang semakan susulan berdasarkan Manual Pelaksanaan SBPKP. Sebarang maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap boleh mempengaruhi penilaian permohonan anda dan perlindungan yang diberikan. Pastikan anda memeriksa semula semua butiran sebelum penyerahan Borang Cadangan STTP ini.
- Penyerahan Fakta Material:** Anda perlu memberikan semua fakta material yang boleh/mungkin mempengaruhi penilaian cadangan Takaful. Fakta material merujuk kepada sebarang maklumat yang mana Pengendali Takaful akan menganggapnya sebagai relevan dalam menentukan terma dan syarat Sijil Induk Takaful ("Sijil"). Kegagalan untuk memberikan fakta material boleh menyebabkan penolakan tuntutan atau pembatalan Sijil.
- Terma dan Syarat Sijil:** Sijil akan tertakluk kepada terma dan syarat yang spesifik, termasuk had perlindungan, pengecualian, dan prosedur tuntutan yang ditetapkan dalam Sijil. Adalah penting untuk anda baca dan fahami terma dan syarat tersebut dengan teliti sebelum menerima Sijil. Sila berhubung dengan kakitangan sokongan pelanggan kami di 1-300-88-2476 untuk sebarang penjelasan atau pertanyaan lanjut berkaitan dengan terma dan syarat yang terkandung di dalam Sijil.
- Kriteria Kelayakan:** Sila ambil perhatian bahawa kelayakan untuk mendapatkan perlindungan STTP tertakluk kepada kriteria tertentu, seperti jenis tanaman, lokasi, dan pematuhan dengan peraturan kerajaan termasuklah syarat wajib untuk anda menjadi pemegang akaun bank atau membuat pembayaran dengan Bank Pertanian Malaysia Berhad ("Agrobank"). Pastikan anda memenuhi syarat kelayakan yang diperlukan sebelum meneruskan permohonan.
- Deklarasi:** Dengan menandatangani Borang Cadangan STTP ini, anda menyatakan dan mengakui bahawa anda sedar, faham dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang terkandung di dalam Sijil dan semua maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan STTP ini adalah benar dan lengkap menurut pengetahuan anda. Sebarang penyeleweng atau aktiviti penipuan boleh menyebabkan pembatalan Sijil dan akibat perundangan dikenakan ke atas anda.

### A. MAKLUMAT PENCADANG / BUTIRAN PENCADANG

Nama Penuh Pencadang:	
No. Kad Pengenalan:	
No. Telefon:	
Alamat Surat Menyurat:	

### B. DEKLARASI DAN PEMBERIAN KEBENARAN / AQAD

- Saya, pencadang yang dinamakan dan mempunyai no. kad pengenalan seperti yang tertera di atas, dengan ini mengakui bahawa semua maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan STTP ini termasuk Borang SBPKP/IPKP/IIP/IPB dan sebarang semakan susulan adalah benar, lengkap dan tepat menurut pengetahuan saya. Saya faham sekiranya terdapat penyeleweng atau peninggalan fakta material boleh mengakibatkan penafian perlindungan atau pembatalan Sijil.
- Saya juga mengakui bahawa adalah tanggungjawab saya untuk memaklumkan dalam kadar segera kepada Agro Captive Takaful Limited ("ACTL") sekiranya terdapat sebarang perubahan atau kemaskini terhadap maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan STTP ini termasuk Borang SBPKP/IPKP/IIP/IPB dan sebarang semakan susulan sepanjang tempoh Sijil.
- Saya bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang terkandung di dalam Sijil dan membenarkan Pertubuhan Peladang Kawasan ("PPK") dilantik sebagai penjaga ("custodian") di dalam Sijil.
- Saya membenarkan PPK dan mana-mana agensi kerajaan terbabit untuk berkongsi dengan ACTL maklumat yang berkaitan dengan saya seperti mana yang diperlukan di bawah Sijil dan untuk mengesahkan maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan STTP ini termasuk Borang SBPKP/IPKP/IIP/IPB dan sebarang semakan susulan melalui cara-cara yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada menghubungi pihak ketiga yang diberi kuasa, merujuk kepada rekod awam, dan mendapatkan laporan daripada sumber yang berkaitan.
- Saya faham bahawa maklumat yang dikumpul ketika permohonan dan proses tuntutan akan dikendalikan selaras dengan sijil sulit ("privacy certificate") ACTL, dengan memastikan kerahsiaan dan keterjaminan terhadap maklumat peribadi saya.
- Saya bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung di dalam Sijil, termasuk pengendorsan atau rider, akan merangkumi perlindungan yang diberikan oleh ACTL. Saya mengakui bahawa saya telah menerima, membaca dan memahami Lembaran Pendedahan Produk STTP.
- Saya bersetuju untuk mengambil bahagian dalam STTP berdasarkan prinsip Takaful. Saya bersetuju untuk membayar sumbangan berdasarkan prinsip Tabarru' (derma) untuk tujuan Ta'awun (sokongan bersama) dengan peserta lain, dan dengan sumbangan ini, saya berhak mendapat perlindungan Takaful seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat yang terkandung di dalam Sijil. Saya juga mengakui dan memahami bahawa pembayaran jumlah yang dilindungi kepada peserta adalah dibayar daripada Dana Risiko Peserta ("Dana") berdasarkan konsep Tabarru'.
- Saya bersetuju untuk melantik ACTL berdasarkan konsep Wakalah (agensi) yang terdapat dalam STTP untuk bertindak bagi pihak saya untuk melabur dan menguruskan Dana. Saya mengakui dan memahami bahawa Dana adalah milik bersama oleh peserta di mana bahagian sumbangan Tabarru' diletakkan untuk tujuan Takaful. Oleh itu, saya bersetuju untuk membayar yuran Wakalah (seperti yang diperincikan dalam Lembaran Pendedahan Produk STTP) kepada ACTL, sebagai potongan dari sumbangan, untuk menampung kos pelaburan dan pengurusan Dana.

### C. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Sila tandakan (✓) pada petak yang berkenaan bagi persetujuan Pencadang berkaitan dengan data peribadi.

- Saya bersetuju untuk membenarkan ACTL memproses data peribadi saya, termasuk data peribadi yang sensitif, dengan niat untuk memasuki kontrak Takaful di bawah STTP dengan mematuhi peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA").
- Saya bersetuju bahawa sebarang data peribadi yang dikumpul atau disimpan oleh ACTL, sama ada yang terkandung dalam permohonan ini atau yang diperoleh kemudian, boleh disimpan, digunakan, diproses, dikongsi dan didedahkan oleh ACTL kepada individu atau organisasi yang berkaitan dan berkait rapat dengan ACTL, termasuklah Agrobank, atau mana-mana pihak ketiga yang dipilih atau diberi kuasa oleh ACTL (termasuk institusi retakaful, pihak pelarasan tuntutan, penyiasat tuntutan, peguam, persatuan industri, pihak berkuasa, badan berkanun, dan pihak berkuasa kerajaan), untuk tujuan pemprosesan permohonan ini dan penyediaan perkhidmatan susulan yang berkaitan dengannya, di mana ACTL dan/atau individu atau organisasi tersebut hendaklah berkomunikasi dengan saya untuk tujuan tersebut.
- Saya faham dan akui bahawa saya berhak untuk mendapatkan akses, dan meminta pembetulan dilakukan terhadap sebarang data peribadi yang dipegang oleh ACTL mengenai saya. Saya juga faham dan akui bahawa permintaan sedemikian boleh dibuat dengan hadir di cawangan Agrobank berdekatan atau menghubungi ACTL melalui e-mel di customer@agrobank.com.my. Saya faham dan akui bahawa berdasarkan peruntukan di bawah PDPA, saya boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan di 1-300-88-2476 untuk mendapatkan akses kepada maklumat dan butiran data peribadi saya di mana maklumat dan butiran sedemikian hanya akan diberikan oleh pihak ACTL setelah pengesahan identifikasi oleh saya.
- Saya bersetuju untuk menerima sebarang komunikasi pemasaran daripada ACTL dan/atau Agrobank yang dihantar melalui maklumat peribadi saya (seperti nomor telefon dan alamat surat - menyurat) berkenaan dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh ACTL dan/atau Agrobank.

### D. PENGAKUAN PENCADANG

Dengan menandatangani di bawah, saya mengesahkan pemahaman saya tentang kenyataan yang diberikan di bawah **PERENGGAN B (DEKLARASI DAN PEMBERIAN KEBENARAN / AQAD)** dan **PERENGGAN C (AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010)** seperti yang di atas, dan saya dengan ini memberi kuasa kepada ACTL memproses permohonan saya untuk perlindungan Takaful di bawah STTP berdasarkan maklumat yang diberikan.

Nama : No. K/P : Tarikh :	

### E. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT ACTL SAHAJA

Sila tandakan (✓) pada petak yang berkenaan.

- Maklumat diberikan adalah lengkap
- Pencadang adalah pemegang akaun Agrobank
- Borang pembukaan akaun disertakan (jika berkaitan)
- Pencadang adalah pelanggan Agrobank melalui pembiayaan
- Dokumen berkaitan pembiayaan adalah disertakan (jika berkaitan)
- Salinan Kad Pengenalan Pencadang disertakan

Tarikh Borang Cadangan STTP ini diambil dari PPK : \_\_\_\_\_

Disemak oleh : \_\_\_\_\_